

Mahathir - Teluk

T

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Malaysia sentiasa mengutuk sebarang pencerobohan yang dilakukan oleh mana-mana negara ke atas negara lain dan inilah sebabnya ia telah menyokong ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang membenarkan penggunaan ketenteraan terhadap Iraq sekiranya Iraq tidak mengundur tenteranya dari Kuwait menjelang 15 Jan.

Ini dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu kenyataan hari ini, untuk menjelaskan kenapa Malaysia memilih untuk menyokong ketetapan itu.

+Kita tidak merestui atau menerima penggunaan kekerasan bagi menyelesaikan persengketaan di antara negara-negara, tambahan pula melalui kuasa ketenteraan. Inilah sebabnya maka Malaysia telah menyokong Ketetapan 678 Majlis Keselamatan,+ katanya.

Beliau berkata memanglah sukar bagi Kerajaan Malaysia membuat keputusan (untuk menyokong ketetapan itu), dan kerajaan telah +menimbang dengan teliti+ segala faktor berhubung dengan soal antara Iraq dan Kuwait sebelum membuat keputusan itu.

+Malaysia sentiasa peka akan tanggungjawabnya sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB. Sebagai sebuah negara kecil dan anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali, adalah menjadi kewajipan bagi Malaysia menyokong dan menegakkan keutuhan dan keazaman Majlis Keselamatan menentang pencerobohan demi memulihkan keamanan.

-- Lagi.

♥30/11/12-12MST

CNS3901

U GR 30-11 00206 BA515

Bah

Mahathir - Teluk 2 Kuala Lumpur

+Pendirian Malaysia menentang pencerobohan dan penaklukan oleh mana-mana negara besar dan kuat ke atas negara-negara kecil adalah jelas. Malaysia tidak akan berganjak dari pendirian ini,+ katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan-kerajaan Kuwait, Arab Saudi, Mesir dan beberapa anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam telah merayu supaya Malaysia memberi sokongan kepada Ketetapan Majlis Keselamatan itu.

+Kita mengambil berat ke atas rayuan itu dan mengambil kira bahawa Kuwait adalah satu negara kecil yang telah dicerobohi dan ditakluki oleh negara tetangganya yang gagah, iaitu Iraq pada 2 Ogos,+ katanya.

Sambil menegaskan bahawa Malaysia telah menaja dan menyokong beberapa ketetapan PBB ke arah mencapai penyelesaian damai bagi krisis Teluk, beliau berkata: +Malangnya, Iraq tidak langsung menunjukkan apa-apa kesediaan untuk mematuhi ketetapan-ketetapan yang mendesaknyanya berundur secara aman dan tanpa syarat semua bala tenteranya dari Kuwait dan menyerahkan kembali negara itu kepada Kerajaan Kuwait yang sah dan kepada rakyatnya.+

+Oleh kerana itu Malaysia bersependapat bahawa Iraq harus diperingatkan kembali akan tanggungjawabnya sebagai anggota PBB dan kewajipannya di bawah Undang-undang Antarabangsa, dan Iraq diberi kesempatan terakhir untuk mematuhi 10 ketetapan Majlis Keselamatan yang berkaitan dalam tempoh waktu yang ditetapkan, sebelum tindakan selanjutnya diambil. -- Lagi.

Bah

Mahathir - Teluk 3 Kuala Lumpur

+Terpulanglah kepada Iraq untuk mengambil langkah yang membuka jalan ke arah penyelesaian damai krisis Teluk yang berpunca dari pencerobohnya ke atas Kuwait,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia merasa tidak senang terhadap pendirian Kerajaan Amerika Syarikat yang tidak tegas mengenai soal keamanan di Timur Tengah, khususnya mengenai masalah Palestin dan penyiksaan oleh tentera Israel ke atas rakyat Palestin di wilayah yang ditaklukinya.

Beliau meminta Washington supaya memberi perhatian serius mengenai hak-hak rakyat Palestin dan menunjukkan kesungguhannya menimbang semua isu Timur Tengah secara adil dan seimbang.

+Walaupun bagaimanapun, kita berpendapat bahawa nasib Kuwait dan rakyatnya tidak seharusnya menunggu penyelesaian soal Palestin. Pencerobohan Iraq ke atas Kuwait bukanlah caranya untuk menyelesaikan soal Palestin.

+Kita mengulangi sokongan Malaysia terhadap tuntutan rakyat Palestin dan mendesak Majlis Keselamatan PBB untuk memberi perhatian sepenuhnya untuk mencapai penyelesaian yang adil dan saksama berlandaskan ketetapan-ketetapan PBB,+ katanya.

Perdana Menteri juga menggesa Iraq supaya mematuhi kehendak masyarakat antarabangsa untuk segera berundur tanpa apa-apa syarat dari Kuwait sebelum 15 Jan 1991.

+Kita sangatlah mengharapkan tindakan keras dapat dielakkan, tetapi Iraq mestilah menerima dan mematuhi Ketetapan ini bagi menghindar terdetusnya peperangan,+ katanya. -- Bernama.

♥30/11/12-17MST